



12 Ogos 2024
12 August 2024
P.U. (A) 212

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PROSIDING TATATERTIB) 2024

*SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(DISCIPLINARY PROCEEDINGS) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PROSIDING TATERTIB) 2024

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA TATATERTIB DAN URUS SETIA ADUAN

3. Penubuhan Lembaga Tatatertib
4. Kuorum Lembaga Tatatertib
5. Urus Setia Aduan

BAHAGIAN III

ADUAN

6. Kandungan aduan
7. Yuran pemprosesan
8. Had masa
9. Kewajipan Pengarah apabila menerima aduan
10. Penarikan balik aduan
11. Majlis Peguam Syarie boleh meneruskan aduan yang ditarik balik
12. Daftar Aduan
13. Daftar Aduan Ditolak
14. Penentuan merit aduan

Kaedah

15. Kuasa Lembaga Tatatertib untuk menguruskan aduan secara terus
16. Penyiasatan aduan

BAHAGIAN IV
PENJALANAN PROSIDING

17. Rekod aduan
18. Tarikh, masa dan tempat pendengaran
19. Notis pendengaran
20. Hak diwakili di sisi undang-undang
21. Kuorum prosiding Lembaga Tatatertib
22. Prosiding Lembaga Tatatertib
23. Penangguhan pendengaran
24. Ketidakhadiran pihak di hadapan Lembaga Tatatertib
25. Rekod prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib
26. Keputusan majoriti disifatkan sebagai keputusan Lembaga Tatatertib
27. Laporan Lembaga Tatatertib

BAHAGIAN V
PENGGANTUNGAN AMALAN PEGUAM SYARIE DI BAWAH SEKSYEN 83 AKTA

28. Penggantungan amalan Peguam Syarie di bawah seksyen 83 Akta

BAHAGIAN VI
PROSIDING RAYUAN TATATERTIB

29. Notis rayuan
30. Notis rayuan balas
31. Nota keterangan dan penghakiman
32. Alasan rayuan
33. Rekod rayuan jika perayu diwakili
34. Rekod rayuan jika perayu tidak diwakili

Kaedah

35. Penarikan balik rayuan
36. Notis pendengaran rayuan
37. Daftar Rayuan
38. Penyampaian dokumen dan notis
39. Penggantungan pelaksanaan sementara menunggu rayuan
40. Penghakiman hendaklah menyatakan alasan
41. Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

42. Kesan ketidakpatuhan dan ketidakteraturan tidak membatalkan prosiding
43. Penandatanganan notis pendengaran dan dokumen lain
44. Kematian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PROSIDING TATATERTIB) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*], Majlis Peguam Syarie membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Prosiding Tatatertib) 2024**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“aduan” ertinya suatu aduan bertulis yang dibuat di bawah kaedah 6 yang berhubungan dengan salah laku Peguam Syarie yang berkenaan;

“akuan berkanun” ertinya suatu akuan yang dibuat di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*];

“Daftar Aduan” ertinya daftar yang disimpan dan disenggara oleh Pengarah di bawah kaedah 12;

“Daftar Aduan Ditolak” ertinya daftar yang disimpan dan disenggara oleh Pengarah di bawah kaedah 13;

“Lembaga Tatatertib” ertinya Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“Peguam Syarie yang berkenaan” ertinya Peguam Syarie termasuk pelatih yang terhadapnya suatu aduan atau perintah, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dibuat di bawah Akta;

“pengadu” ertinya mana-mana orang, sama ada sebenar atau di sisi undang-undang, yang telah membuat suatu aduan, sama ada secara sendiri atau melalui pegawainya atau seorang Peguam Syarie, dan termasuklah Majlis Peguam Syarie dan orang atau badan yang disebut dalam subseksyen 78(2) Akta;

“Pengarah” ertinya Pengarah Urus Setia Aduan yang dilantik di bawah subkaedah 5(2);

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Tatatertib;

“salah laku” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 77(4) Akta.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA TATATERTIB DAN URUS SETIA ADUAN

Penubuhan Lembaga Tatatertib

3. (1) Suatu Lembaga Tatatertib hendaklah ditubuhkan bagi maksud prosiding tatatertib di bawah Akta.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) seorang Pengerusi Lembaga Tatatertib yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie dalam kalangan orang yang pernah berkhidmat sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau mana-mana orang

yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;

- (b) Presiden Badan Peguam Syarie atau mana-mana ahli Majlis Peguam Syarie sebagai wakilnya; dan
- (c) sembilan orang anggota pengamal Badan Peguam Syarie yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie dalam kalangan orang yang telah beramal sebagai Peguam Syarie, sama ada di Wilayah-Wilayah Persekutuan sahaja atau di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan di mana-mana Negeri, tidak kurang daripada lima belas tahun.

(3) Pelantikan di bawah subkaedah (2) hendaklah bagi tempoh tiga tahun dan boleh dilanjutkan bagi tempoh maksimum selama tiga tahun.

(4) Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Tatatertib dan jika Pengerusi menarik diri menurut subkaedah (6) atau jika Pengerusi tidak dapat, oleh sebab sakit atau apa-apa sebab yang lain, hadir mesyuarat, Presiden Badan Peguam Syarie atau wakilnya hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Jika Presiden Badan Peguam Syarie atau wakilnya juga menarik diri menurut subkaedah (6) atau tidak dapat, oleh sebab sakit atau apa-apa sebab yang lain, hadir mesyuarat, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang dalam kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(6) Pengerusi Lembaga Tatatertib, Presiden Badan Peguam Syarie atau wakilnya dan mana-mana anggota Lembaga Tatatertib lain yang dilantik di bawah perenggan (2)(c) hendaklah, jika perlu, demi kepentingan keadilan, menarik diri daripada menimbang teliti apa-apa aduan sekiranya terdapat percanggahan kepentingan.

(7) Lembaga Tatatertib boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Kuorum Lembaga Tatatertib

4. Kuorum Lembaga Tatatertib ialah lima orang.

Urus Setia Aduan

5. (1) Pentadbiran harian aduan terhadap Peguam Syarie yang berkenaan hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Aduan.

(2) Urus Setia Aduan hendaklah terdiri daripada seorang Pengarah dan beberapa bilangan kakitangan yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie dalam kalangan orang yang difikirkan layak oleh Majlis Peguam Syarie.

(3) Pengarah hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga Tatatertib.

(4) Majlis Peguam Syarie boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Pengarah atau kakitangan yang dilantik di bawah subkaedah (2).

BAHAGIAN III

ADUAN

Kandungan aduan

6. (1) Semua aduan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah beserta dengan yuran pemprosesan yang disebut dalam subkaedah 7(1).

(2) Suatu aduan hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Jika Majlis Peguam Syarie ialah pengadu, aduan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Majlis Peguam Syarie.

(4) Aduan yang dibuat oleh seseorang pengadu itu hendaklah mengandungi butir-butir Peguam Syarie yang berkenaan dan fakta aduan yang mencukupi.

Yuran pemprosesan

7. (1) Pengadu hendaklah membayar kepada Pengarah suatu yuran pemprosesan yang berjumlah dua ratus ringgit atau apa-apa jumlah yang ditentukan oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Subkaedah (1) tidak terpakai jika pengadu ialah Majlis Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie Negeri atau mana-mana orang atau badan yang disebut dalam subseksyen 78(2) Akta.

(3) Semua amaun yang dibayar di bawah kaedah ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib dan tidak boleh dikembalikan.

Had masa

8. Tiada aduan berhubung dengan kelakuan mana-mana Peguam Syarie yang berkenaan atau firma guaman syarie ditubuhkan di bawah Akta boleh dikemukakan oleh pengadu selepas tempoh enam tahun dari masa hak untuk membawa aduan terakru atau apabila pengadu mula mendapat tahu berkenaan salah laku tersebut atau berlakunya salah laku yang terakhir yang memberi hak kepadanya untuk mengemukakan aduan.

Kewajipan Pengarah apabila menerima aduan

9. (1) Apabila menerima aduan, Pengarah hendaklah—

(a) mengecap tarikh penerimaan aduan itu; dan

(b) mendaftarkan aduan dalam Daftar Aduan.

(2) Jika pengadu tidak mematuhi kehendak kaedah 6, Pengarah hendaklah dengan secepat yang mungkin menghantar suatu permintaan bertulis kepada pengadu untuk mengemukakan butir-butir yang dikehendaki.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), jika ketidakpatuhan itu berhubung dengan ketiadaan nama atau alamat pengadu atau kedua-duanya, Pengarah hendaklah menolak aduan itu dan merekodkan fakta sedemikian dalam Daftar Aduan Ditolak.

(4) Pengadu hendaklah mengemukakan butir-butir yang dikehendaki dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permintaan bertulis di bawah subkaedah (2).

(5) Jika pengadu gagal mematuhi kehendak subkaedah (4), Pengarah hendaklah menolak aduan itu dan merekodkannya dalam Daftar Aduan Ditolak.

(6) Jika Pengarah menolak apa-apa aduan di bawah kaedah ini, Pengarah hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pengadu mengenai penolakan aduan itu.

(7) Pengarah hendaklah menghantar aduan yang didaftarkan dalam Daftar Aduan dan dalam Daftar Aduan Ditolak kepada Lembaga Tatatertib.

Penarikan balik aduan

10. (1) Pengadu boleh, pada bila-bila masa sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Lembaga Tatatertib, menarik balik aduan melalui notis secara bertulis kepada Lembaga Tatatertib dan satu salinan notis itu hendaklah dihantar kepada Pengarah.

(2) Apabila menerima notis penarikan balik di bawah subkaedah (1), Pengarah hendaklah—

(a) tanpa menyentuh kaedah 9, merekodkan penarikan balik aduan itu dalam Daftar Aduan; dan

(b) memaklumkan Pengerusi Majlis Peguam Syarie secara bertulis tentang penarikan balik itu.

(3) Jika pengadu telah menarik balik aduannya di bawah subkaedah (1), penarikan balik itu hendaklah menjadi penghalang kepada apa-apa aduan selanjutnya oleh pengadu yang sama atas fakta yang sama.

Majlis Peguam Syarie boleh meneruskan aduan yang ditarik balik

11. (1) Walau apa pun kaedah 10 dan tanpa menjejaskan haknya untuk membuat aduan sendiri, Majlis Peguam Syarie boleh, pada bila-bila masa sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Lembaga Tatatertib, jika Majlis Peguam Syarie berpendapat bahawa aduan yang ditarik balik di bawah kaedah 10 mempunyai merit, meneruskan aduan itu seolah-olah aduan itu telah dibuat oleh Majlis Peguam Syarie.

(2) Jika Majlis Peguam Syarie memutuskan untuk meneruskan aduan di bawah subkaedah (1)—

(a) Majlis Peguam Syarie hendaklah memaklumkan kepada Lembaga Tatatertib melalui notis secara bertulis tentang keputusannya untuk meneruskan aduan itu dan kehendak kaedah 6 hendaklah disifatkan telah dipenuhi; dan

(b) Pengarah hendaklah merekodkan keputusan Majlis Peguam Syarie itu dalam Daftar Aduan dan memaklumkan secara bertulis dalam tempoh yang munasabah kepada pengadu mengenai penerusan aduan itu oleh Majlis Peguam Syarie.

Daftar Aduan

12. Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Aduan yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) tarikh penerimaan aduan;

(b) nama penuh dan nombor kad pengenalan atau passport pengadu;

(c) alamat pengadu;

- (d) nama dan alamat orang yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib untuk mewakili pengadu, jika ada;
- (e) nama penuh Peguam Syarie yang berkenaan;
- (f) penarikan balik aduan, jika berkaitan;
- (g) penerusan aduan yang ditarik balik oleh Majlis Peguam Syarie, jika berkaitan;
- (h) tarikh dan keputusan Lembaga Tatatertib;
- (i) tarikh keputusan Lembaga Tatatertib diserahkan kepada pengadu atau orang yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib untuk mewakili pengadu; dan
- (j) tarikh keputusan Lembaga Tatatertib diserahkan kepada Peguam Syarie yang berkenaan.

Daftar Aduan Ditolak

13. Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Aduan Ditolak yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh penerimaan aduan;
- (b) tarikh permintaan bertulis di bawah subkaedah 9(2), jika ada;
- (c) tarikh penjelasan bertulis yang diberikan oleh Peguam Syarie yang berkenaan, jika ada;
- (d) sebab penolakan aduan; dan

(e) tarikh penolakan aduan dimaklumkan kepada pengadu.

Penentuan merit aduan

14. (1) Jika sesuatu aduan dirujuk kepada Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah, jika ia berpuas hati bahawa—

(a) aduan itu tidak mempunyai merit, menolak aduan itu dan memberitahu pengadu dan Peguam Syarie yang berkenaan tentang keputusannya; atau

(b) aduan itu mempunyai merit—

(i) menyerahkan kepada Peguam Syarie yang berkenaan sesalinan aduan itu berserta semua dokumen sokongan, jika ada, yang diberikan kepadanya; dan

(ii) meminta Peguam Syarie yang berkenaan untuk memberikan penjelasan bertulisnya dalam empat salinan bersekali dengan dokumen sokongan, jika ada, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh permintaan itu atau dalam masa yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Jika Peguam Syarie telah memberikan penjelasan bertulisnya yang diminta di bawah subperenggan (1)(b)(ii) atau, jika Peguam Syarie tidak memberikan penjelasan bertulisnya, selepas tamat tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib di bawah subperenggan (1)(b)(ii), Lembaga Tatatertib hendaklah meneruskan untuk mempertimbangkan aduan itu.

(3) Lembaga Tatatertib boleh, menurut kuasa yang diperuntukkan dalam seksyen 81 Akta, menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau penjelasan lanjut daripada pengadu, Peguam Syarie yang berkenaan atau mana-mana orang lain

sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Tatatertib sebelum membuat apa-apa keputusan tentang sesuatu aduan.

Kuasa Lembaga Tatatertib untuk menguruskan aduan secara terus

15. (1) Jika, selepas mempertimbangkan sesuatu aduan di bawah subkaedah 14(2), Lembaga Tatatertib berpendapat bahawa—

- (a) Peguam Syarie yang berkenaan telah mengakui salah laku itu atau fakta material yang membuktikan salah laku itu;
- (b) tiada sebab yang mencukupi wujud untuk penyiasatan formal tetapi Peguam Syarie yang berkenaan wajar tertakluk kepada penalti yang disebut dalam perenggan 82(1)(a) atau (b) Akta; atau
- (c) fakta material yang membuktikan salah laku itu adalah jelas dan tidak memerlukan siasatan lanjut,

Lembaga Tatatertib boleh menguruskan aduan itu dengan segera dan mengenakan penalti atau hukuman yang sesuai yang diperuntukkan dalam subseksyen 82(1) Akta.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Lembaga Tatatertib juga boleh membuat perintah restitusi sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 82(2) Akta.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah, sebelum mengenakan apa-apa penalti atau hukuman di bawah subkaedah (1) atau membuat apa-apa perintah restitusi di bawah subkaedah (2), memberitahu Peguam Syarie yang berkenaan tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberi peluang yang munasabah kepada Peguam Syarie yang berkenaan untuk didengar.

Penyiasatan aduan

16. Jika, selepas mempertimbangkan sesuatu aduan di bawah subkaedah 14(2) dan Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa subkaedah 15(1) tidak terpakai,

Lembaga Tatatertib hendaklah menjalankan prosiding tatatertib berhubung dengan aduan itu menurut Bahagian IV.

BAHAGIAN IV
PENJALANAN PROSIDING

Rekod aduan

17. (1) Pengarah hendaklah mengumpul dokumen yang berikut yang membentuk rekod aduan:

- (a) suatu salinan aduan atau apa-apa permohonan yang dibuat oleh Majlis Peguam Syarie di bawah seksyen 83 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan, berserta dengan apa-apa dokumen sokongan dan akuan berkanun, jika ada;
- (b) suatu salinan penjelasan bertulis daripada Peguam Syarie yang berkenaan dan dokumen sokongan, jika ada;
- (c) jika aduan itu ditarik balik di bawah kaedah 10 sebelum Lembaga Tatatertib memulakan siasatannya dan diteruskan di bawah kaedah 11, suatu salinan notis penarikan balik oleh pengadu dan notis untuk meneruskan aduan yang dikeluarkan oleh Majlis Peguam Syarie; dan
- (d) apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan dokumen yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c), jika ada.

(2) Suatu salinan rekod aduan hendaklah disampaikan kepada pengadu dan Peguam Syarie yang berkenaan sebelum Lembaga Tatatertib memulakan siasatannya.

Tarikh, masa dan tempat pendengaran

18. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah menjalankan prosidingnya pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib.

(2) Apa-apa prosiding yang diadakan menurut subkaedah (1) boleh diadakan melalui suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

(3) Bagi tujuan kaedah ini, rujukan kepada “tempat” adalah termasuk ruang siber, tempat maya atau ruang maya.

Notis pendengaran

19. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah menyerahkan notis pendengaran kepada pengadu dan Peguam Syarie yang berkenaan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum pendengaran itu dijalankan.

(2) Suatu notis di bawah subkaedah (1) hendaklah menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran dan hendaklah dalam bentuk atau cara yang ditentukan oleh Lembaga Tatatertib.

Hak diwakili di sisi undang-undang

20. Peguam Syarie yang berkenaan berhak untuk diwakili oleh Peguam Syarie pilihannya dalam mana-mana pendengaran di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Kuorum prosiding Lembaga Tatatertib

21. Kuorum prosiding Lembaga Tatatertib ialah tiga orang.

Prosiding Lembaga Tatatertib

22. (1) Pada permulaan pendengaran, Pengerusi hendaklah merekodkan nama pihak yang hadir.

(2) Melainkan jika dibenarkan oleh Pengerusi, hanya pengadu, Peguam Syarie yang berkenaan dan wakil di sisi undang-undang, jika ada, boleh hadir semasa prosiding.

(3) Jika pengadu ialah sebuah pertubuhan perbadanan atau organisasi, pengadu boleh hadir melalui wakil yang diberi kuasa.

(4) Jika pengadu atau wakil di sisi undang-undangnya hadir, Pengerusi hendaklah mengarahkan pengadu atau wakil di sisi undang-undangnya untuk membentangkan kesnya.

(5) Semua keterangan hendaklah diberikan secara berasingan dan secara bersumpah.

(6) Pada mana-mana pendengaran di hadapan Lembaga Tatatertib—

(a) Peguam Syarie yang berkenaan boleh memeriksa balas pengadu dan saksinya yang telah memberikan keterangan mereka berhubung dengan aduan itu; dan

(b) pengadu boleh memeriksa balas Peguam Syarie yang berkenaan dan saksinya yang telah memberikan keterangan mereka berhubung dengan aduan itu.

(7) Pengerusi atau anggota Lembaga Tatatertib boleh bertanya apa-apa soalan, atau meminta mana-mana orang untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa perkara atau dokumen sebagaimana yang difikirkan relevan dengan siasatan itu oleh Lembaga Tatatertib.

(8) Jika aduan adalah berdasarkan salah laku yang berhubungan dengan wang dalam jagaan atau kawalan Peguam Syarie yang berkenaan, beban hendaklah terletak pada Peguam Syarie yang berkenaan untuk memberikan penjelasan yang memuaskan berhubung dengan aduan itu.

(9) Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah memanggil Peguam Syarie yang berkenaan untuk menjawab aduan itu pada penutupan kes pengadu.

(10) Pengerusi Lembaga Tatatertib boleh memanggil pihak-pihak untuk membuat hujahan muktamad mereka pada penutupan prosiding, dengan Peguam Syarie yang berkenaan membuat hujahan pertama.

(11) Lembaga Tatatertib hendaklah merekodkan semua keterangan yang diberikan kepadanya.

Penangguhan pendengaran

23. (1) Lembaga Tatatertib boleh menangguhkan pendengaran dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah menyampaikan notis tentang penangguhan pendengaran kepada pihak-pihak kepada prosiding dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penangguhan itu diberikan.

(3) Subkaedah (2) tidak terpakai jika penangguhan itu diberikan dengan kehadiran pihak-pihak kepada prosiding itu.

Ketidakhadiran pihak di hadapan Lembaga Tatatertib

24. Jika pengadu atau Peguam Syarie yang berkenaan atau kedua-duanya tidak hadir di hadapan Lembaga Tatatertib pada tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran aduan itu, Lembaga Tatatertib boleh, setelah berpuas hati bahawa kaedah 19 telah dipatuhi—

(a) menangguhkan pendengaran mengikut kaedah 23; atau

(b) meneruskan untuk mendengar aduan itu dan membuat apa-apa keputusan yang difikirkannya patut tanpa kehadiran orang itu dan tanpa memberikan apa-apa notis lanjut kepada orang itu.

Rekod prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib

25. Lembaga Tatatertib hendaklah menyediakan rekod prosiding yang mengandungi semua keterangan yang diberikan termasuk keterangan dokumentar.

Keputusan majoriti disifatkan sebagai keputusan Lembaga Tatatertib

26. Jika Lembaga Tatatertib tidak sebulat suara dalam apa-apa persoalan atau perkara yang perlu diputuskan, keputusan majoriti hendaklah disifatkan sebagai keputusan Lembaga Tatatertib.

Laporan Lembaga Tatatertib

27. (1) Laporan Lembaga Tatatertib hendaklah menyatakan dapatan dan alasan bagi dapatan itu.

(2) Jika—

(a) Lembaga Tatatertib sebulat suara dalam dapatannya, laporan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib; atau

(b) Lembaga Tatatertib tidak sebulat suara dalam dapatannya—

(i) dapatan majoriti hendaklah disifatkan sebagai dapatan Lembaga Tatatertib;

(ii) alasan bagi dapatan anggota majoriti dan minoriti hendaklah direkodkan; dan

(iii) laporan itu hendaklah ditandatangani oleh semua anggota Lembaga Tatatertib.

(3) Laporan Lembaga Tatatertib berserta rekod prosiding hendaklah dihantar kepada Pengarah.

(4) Laporan Lembaga Tatatertib di bawah kaedah ini adalah muktamad bagi prosiding Lembaga Tatatertib.

BAHAGIAN V

PENGGANTUNGAN AMALAN PEGUAM SYARIE DI BAWAH SEKSYEN 83 AKTA

Penggantungan amalan Peguam Syarie di bawah seksyen 83 Akta

28. (1) Jika Majlis Peguam Syarie membuat permohonan kepada Lembaga Tatatertib di bawah seksyen 83 Akta bagi suatu perintah untuk menggantung seseorang Peguam Syarie daripada menjalankan amalan, Lembaga Tatatertib hendaklah meminta Peguam Syarie itu untuk mengemukakan suatu penjelasan bertulis mengenainya sebelum Lembaga Tatatertib membuat keputusan tentang permohonan itu.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah memaklumkan secara bertulis keputusan tentang permohonan penggantungan itu kepada Majlis Peguam Syarie dan Peguam Syarie yang terhadapnya permohonan penggantungan itu dibuat.

BAHAGIAN VI

PROSIDING RAYUAN TATATERTIB

Notis rayuan

29. (1) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Rayuan hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu notis rayuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Lembaga Tatatertib diumumkan.

(3) Pihak yang merayu dikenali sebagai "perayu" dan pihak yang terhadapnya rayuan itu dibuat dikenali sebagai "responden".

(4) Perayu boleh merayu terhadap kesemua atau mana-mana bahagian sesuatu keputusan dan notis rayuan itu hendaklah menyatakan sama ada rayuan itu adalah terhadap kesemua atau sebahagian sahaja, dan jika sedemikian, hendaklah menyatakan bahagian keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat.

(5) Sesalinan notis rayuan hendaklah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan untuk memfailkan rayuan kepada semua pihak yang terlibat dalam rayuan itu atau Peguam Syarie masing-masing, Lembaga Tatatertib dan Majlis Peguam Syarie.

Notis rayuan balas

30. Seseorang responden dalam mana-mana rayuan boleh, dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis rayuan kepadanya—

(a) memfailkan di Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan itu; dan

(b) menyampaikan kepada perayu,

suatu notis sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga tentang niatnya untuk mengemukakan pada pendengaran rayuan bahawa keputusan yang terhadapnya rayuan itu dibuat patut diubah.

Nota keterangan dan penghakiman

31. (1) Pengarah hendaklah, apabila menerima notis rayuan dan tertakluk kepada pematuhan subkaedah (3), membekalkan kepada perayu suatu salinan terperaku nota keterangan dan alasan penghakiman.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Pengarah hendaklah memberitahu perayu melalui borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat sebaik sahaja salinan terperaku nota keterangan dan alasan penghakiman itu siap.

(3) Dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah subkaedah (2), perayu hendaklah—

(a) mendepositkan kepada Lembaga Tatatertib sejumlah wang yang pada pendapat Lembaga Tatatertib dapat menampung—

(i) kos menyediakan nota keterangan dan alasan penghakiman; dan

- (ii) kos menyediakan bilangan salinan rekod rayuan yang mencukupi untuk kegunaan Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan dan pihak-pihak dalam rayuan itu, jika berkenaan; dan
- (b) menyerah simpan di Lembaga Tatatertib sejumlah wang sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga Tatatertib sebagai jaminan untuk kos rayuan.
- (4) Deposit yang disebut dalam perenggan (3)(a) tidak akan dikembalikan.
- (5) Dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan deposit yang dibuat di bawah perenggan (3)(a), Pengarah hendaklah membekalkan kepada perayu salinan terperaku nota keterangan dan alasan penghakiman.
- (6) Subkaedah (3) tidak terpakai jika perayu ialah Majlis Peguam Syarie, mana-mana mahkamah syariah, Hakim Mahkamah Syariah atau Pendakwa Raya Syariah.
- (7) Tiada dokumen boleh dibekalkan jika perayu tidak mematuhi subkaedah (3).

Alasan rayuan

32. (1) Dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah subkaedah 31(2), perayu hendaklah mengemukakan kepada Pengarah alasan rayuan dalam lima salinan yang dialamatkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan itu.

(2) Tiap-tiap alasan rayuan hendaklah menyatakan dengan ringkas isi keputusan yang dirayukan itu dan hendaklah mengandungi butir-butir yang jelas tentang perkara undang-undang atau fakta yang berkenaan dengannya rayuan itu dibuat.

(3) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan itu, perayu tidak boleh dibenarkan semasa pendengaran rayuan itu bergantung kepada apa-apa alasan selain alasan-alasan yang dinyatakan dalam alasan rayuan itu.

Rekod rayuan jika perayu diwakili

33. (1) Perayu yang diwakili oleh Peguam Syarie hendaklah, setelah mematuhi kehendak-kehendak kaedah 31 dan 32, menyediakan bilangan salinan rekod rayuan yang dikehendaki yang hendaklah mengandungi salinan—

- (a) aduan dan semua dokumen yang menyokong aduan itu;
- (b) penjelasan bertulis yang dibuat oleh Peguam Syarie yang berkenaan berhubung dengan aduan itu;
- (c) nota keterangan dan alasan penghakiman prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib;
- (d) notis rayuan;
- (e) alasan rayuan;
- (f) semua ekshibit dokumentar; dan
- (g) senarai ekshibit bukan dokumentar, jika ada, yang diserahkan disimpan di Lembaga Tatatertib.

(2) Perayu hendaklah, dalam masa enam minggu selepas penerimaan pemberitahuan di bawah subkaedah 31(2)—

- (a) memfailkan dua salinan rekod rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan itu; dan

- (b) menyampaikan suatu salinan rekod rayuan kepada setiap pihak yang kepadanya notis rayuan itu telah disampaikan.

Rekod rayuan jika perayu tidak diwakili

34. (1) Jika perayu yang telah mematuhi kehendak-kehendak kaedah 31 dan 32 tidak diwakili oleh Peguam Syarie, Pengarah hendaklah menyediakan bilangan salinan rekod rayuan yang dikehendaki yang hendaklah mengandungi salinan dokumen-dokumen yang disebut dalam subkaedah 32(1).

(2) Sebaik sahaja rekod rayuan itu siap, Pengarah hendaklah menyampaikan kepada perayu suatu notis sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

(3) Atas permintaan perayu dan, jika deposit yang disebut dalam perenggan 31(3)(a) tidak mencukupi, apabila dibayar oleh perayu sejumlah wang tambahan yang mencukupi untuk membayar kos bagi menyediakan rekod rayuan, Pengarah hendaklah—

- (a) membekalkan kepada perayu suatu salinan rekod rayuan dan salinan tambahan yang mencukupi untuk penyampaian kepada responden atau responden-responden; dan
- (b) menghantar kepada Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan itu baki salinan rekod itu.

(4) Perayu hendaklah, dalam masa enam minggu dari penerimaan pemberitahuan di bawah subkaedah (2), menyampaikan suatu salinan rekod rayuan itu kepada setiap pihak yang kepadanya notis rayuan telah disampaikan.

Penarikan balik rayuan

35. (1) Perayu boleh, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi Syariah, menarik balik rayuannya pada bila-bila masa sebelum penghakiman dengan memfailkan di Mahkamah Tinggi Syariah notis penarikan balik rayuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

(2) Perayu hendaklah menyampaikan suatu salinan notis penarikan balik rayuan itu kepada setiap pihak yang kepadanya notis rayuan telah disampaikan.

(3) Jika perayu menarik balik rayuannya di bawah subkaedah (1), responden adalah berhak kepada kos prosiding.

Notis pendengaran rayuan

36. Notis pendengaran rayuan atau apa-apa penangguhan mengenainya hendaklah dihantar oleh Mahkamah Tinggi Syariah kepada perayu, responden, Pengarah dan Majlis Peguam Syarie.

Daftar Rayuan

37. Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Rayuan yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh penerimaan notis rayuan;
- (b) tarikh keputusan Mahkamah Tinggi Syariah; dan
- (c) jika rayuan ditarik balik, tarikh penarikan balik.

Penyampaian dokumen dan notis

38. (1) Tertakluk kepada kaedah 19, jika apa-apa dokumen atau notis dikehendaki disampaikan di bawah Kaedah-Kaedah ini, penyampaian dokumen atau notis itu hendaklah dilaksanakan melalui penyampaian ke diri ke alamat yang terakhir diketahui orang yang kepadanya dokumen atau notis itu dikehendaki untuk disampaikan.

(2) Jika atas apa-apa sebab yang mencukupi dokumen atau notis itu tidak boleh disampaikan melalui penyampaian ke diri, dokumen atau notis itu hendaklah disampaikan melalui pos berdaftar ke alamat yang terakhir diketahui orang yang kepadanya dokumen atau notis itu dikehendaki untuk disampaikan.

(3) Penyampaian yang dilaksanakan mengikut subkaedah (2) adalah berkesan sebagaimana penyampaian ke diri.

(4) Penyampaian dokumen atau notis di bawah kaedah ini hendaklah dibuktikan melalui suatu affidavit serahan yang diikrarkan oleh orang yang melaksanakan penyampaian itu.

(5) Orang yang terhadapnya dokumen atau notis itu disampaikan melalui penyampaian ke diri di bawah subkaedah (1) hendaklah menandatangani suatu akuan penerimaan penyampaian.

(6) Walau apa pun subkaedah (5), keengganan atau ketidakupayaan untuk menandatangani akuan penerimaan penyampaian yang disebut dalam subkaedah (5) tidak menjejaskan kesahan penyampaian itu.

Penggantungan pelaksanaan sementara menunggu rayuan

39. Pemfailan sesuatu notis rayuan tidaklah berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi Lembaga Tatatertib boleh, atas permohonan dan apabila sebab yang mencukupi ditunjukkan, menggantung pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Penghakiman hendaklah menyatakan alasan

40. Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar rayuan hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis.

Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah

41. Suatu rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah mengikut Bahagian XVII Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*].

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Kesan ketidakpatuhan dan ketidakteraturan tidak membatalkan prosiding

42. Lembaga Tatatertib boleh bertindak walaupun terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya dan prosidingnya tidak boleh terbatal oleh—

- (a) apa-apa kecacatan yang ditemui selepas itu dalam pelantikan atau kelayakan seseorang anggota;
- (b) apa-apa ketidakteraturan kecil dalam mengadakan atau menjalankan mesyuarat; atau
- (c) kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak berhak untuk hadir atau mengambil bahagian.

Penandatanganan notis pendengaran dan dokumen lain

43. Suatu notis pendengaran di hadapan Lembaga Tatatertib dan apa-apa dokumen bertulis yang lain yang berkaitan dengannya hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib atau mana-mana anggota Lembaga Tatatertib yang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib.

Kematian

44. (1) Jika Peguam Syarie yang berkenaan meninggal dunia sebelum prosiding terhadapnya tamat, aduan itu hendaklah terhenti tanpa menjejaskan apa-apa remedi yang pengadu mungkin ada terhadap harta pusaka Peguam Syarie yang mati itu.

(2) Jika pengadu meninggal dunia sebelum tamatnya prosiding, aduan itu boleh diteruskan oleh waris kadim atau wakil diri di sisi undang-undang pengadu.

(3) Jika waris kadim atau wakil diri di sisi undang-undang tidak memberi maklum balas dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan oleh Pengarah tentang hak mereka untuk meneruskan aduan, Pengarah hendaklah merujuk aduan itu kepada

Majlis Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie boleh, jika difikirkannya patut, meneruskan aduan itu.

(4) Jika Majlis Peguam Syarie memutuskan untuk meneruskan aduan di bawah subkaedah (3)—

- (a) Majlis Peguam Syarie hendaklah memaklumkan kepada Lembaga Tatatertib melalui notis secara bertulis tentang keputusannya untuk meneruskan aduan itu dan kehendak kaedah 6 hendaklah disifatkan telah dipenuhi; dan
- (b) Pengarah hendaklah merekodkan keputusan Majlis Peguam Syarie itu dalam Daftar Aduan dan memaklumkan waris kadim atau wakil diri di sisi undang-undang pengadu mengenai penerusan aduan itu oleh Majlis Peguam Syarie.

JADUAL PERTAMA

[Subkaedah 6(2)]

ADUAN

Kepada:

Pengarah Urus Setia Aduan
Lembaga Tatatertib Peguam Syarie
(alamat)

1. Butir-butir pengadu

1.1. Nama penuh (seperti yang dinyatakan di dalam Kad Pengenalan/Pasport):

1.2. Alamat rumah:

Alamat e-mel: _____

No. Telefon: _____ No. Telefon Bimbit: _____

Majikan: _____

1.3. Alamat pejabat:

No. Telefon: _____

1.4. Alamat surat-menyurat semasa:

1.5 Nama orang yang boleh dihubungi:

Alamat:

No. Telefon: _____

1.6 Maklumat Peguam Syarie yang mewakili pengadu (jika ada):

1.7 Butir-butir pembayaran yuran pemprosesan. Sila tandakan di ruangan yang bersesuaian.

- | | | |
|--------------------------|-----------------------------|-------------|
| <input type="checkbox"/> | No. Cek: _____ | Bank: _____ |
| <input type="checkbox"/> | No. Kiriman Wang Pos: _____ | |
| <input type="checkbox"/> | Wang Tunai: _____ | |

1.8 Sila nyatakan sama ada anda atau mana-mana orang lain ada mengemukakan aduan kepada Lembaga Tatatertib berdasarkan fakta yang sama/berkaitan. Jika ya, sila nyatakan no. aduan

2. Butir-butir Peguam Syarie yang berkenaan dan/atau firma

2.1 Nama penuh Peguam Syarie yang berkenaan dan/atau firma:

2.2 Nama dan alamat firma ketika salah laku yang didakwa berlaku:

2.3 Nama dan alamat terkini firma jika berbeza daripada 2.2:

Pekan/Bandar: _____

Negeri: _____

No. Telefon: _____

2.4 Bilakah anda melantik Peguam Syarie dan/atau firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu menjalankan amalan (jika berkenaan) ?

2.5 Apakah arahan anda kepada Peguam Syarie dan/atau firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu menjalankan amalan?

Sila gunakan lembaran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

2.6 Sila nyatakan butir-butir aduan anda.

Sila gunakan lembaran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

2.7 Senarai dokumen yang mesti dilampirkan:

(a) Akuan Berkanun pengadu yang diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah mengesahkan fakta aduan;

(b) sesalinan kad pengenalan/pasport; dan

(c) cek atau kiriman wang pos.

2.8 Dokumen-dokumen sokongan lain:

(1) _____

(2) _____

(3) _____

2.9 Tandatangan pengadu: _____

Tarikh: _____

Sila kembalikan borang yang telah dilengkapkan dengan sempurna dan semua dokumen yang relevan dalam tiga (3) salinan kepada:

Pengarah Urus Setia Aduan
Lembaga Tatatertib Peguam Syarie
(alamat)
(No. Telefon)
(No. Faks)
(alamat e-mel)

JADUAL KEDUA
[Subkaedah 29(2)]

NOTIS RAYUAN
(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa pengadu (atau Peguam Syarie yang berkenaan) yang dinamakan di atas yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib di yang diberikan pada hari bulan 20..... merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap keseluruhan keputusan tersebut (atau apa-apa bahagian daripada keputusan tersebut) yang memutuskan bahawa, (nyatakan butir-butir terperinci)

Bertarikh hari bulan 20.....

.....
*Perayu (atau Peguam
Syarie bagi Perayu)*

Kepada:

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan kepada:

JADUAL KETIGA

[Kaedah 30]

NOTIS RAYUAN BALAS

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa, pada pendengaran rayuan di atas, responden yang dinamakan di atas akan menghujahkan bahawa keputusan Lembaga Tatatertib yang diberikan pada hari bulan 20..... patut diubah atas alasan-alasan yang berikut:

(Nyatakan dalam perenggan bernombor—

- (a) jenis relief yang dituntut; dan/atau
- (b) alasan-alasan yang menjadi sandaran.)

Bertarikh hari bulan 20.....

Kepada Pendaftar dan perayu.

.....
*Responden (atau Peguam
Syarie bagi Responden)*

JADUAL KEEMPAT

[Subkaedah 31(2)]

**NOTIS BAHAWA SALINAN TERPERAKU BAGI NOTA KETERANGAN
DAN PENGHAKIMAN SUDAH SIAP**

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa salinan terperaku bagi nota keterangan dan penghakiman sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM kena dibayar oleh anda sebagai kos menyediakan salinan-salinan terperaku itu.

Kepada:

.....
.....

Bertarikh hari bulan 20.....

.....
Pengarah

JADUAL KELIMA
[Subkaedah 34(2)]

NOTIS BAHAWA REKOD RAYUAN SUDAH SIAP

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa rekod rayuan prosiding yang disebut di atas sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM kena dibayar oleh anda sebagai kos menyediakan rekod itu.

Kepada:

Bertarikh hari bulan 20

.....

Pengarah

JADUAL KEENAM
[Subkaedah 35(1)]

NOTIS PENARIKAN BALIK RAYUAN

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa perayu menarik balik keseluruhan (atau nyatakan bahagian) rayuan ini terhadap responden.

Bertarikh hari bulan 20.....

.....
*Perayu (atau Peguam
Syarie bagi Perayu)*

Kepada:

- (1) Pengarah.
- (2) Responden (atau Peguam Syarie bagi responden).

Dibuat 1 Ogos 2024
[JAKIM.(S).600-1/2/11; PN(PU2)764/JLD.2]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
Pengerusi Majlis Peguam Syarie

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(DISCIPLINARY PROCEEDINGS) RULES 2024

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation
2. Interpretation

PART II

ESTABLISHMENT OF DISCIPLINARY BOARD AND COMPLAINTS SECRETARIAT

3. Establishment of Disciplinary Board
4. Quorum of Disciplinary Board
5. Complaints Secretariat

PART III

COMPLAINTS

6. Contents of complaints
7. Processing fees
8. Limitation period
9. Duty of Director on receipt of complaint
10. Withdrawal of complaint
11. *Majlis Peguam Syarie* may proceed with complaint withdrawn
12. Complaints Register
13. Rejected Complaints Register
14. Determination of merits of complaint
15. Power of Disciplinary Board to deal with complaints summarily

Rule

16. Investigation of complaints

PART IV
CONDUCT OF PROCEEDINGS

17. Record of complaint
18. Date, time and place of hearing
19. Notice of hearing
20. Right to legal representation
21. Quorum of proceedings of Disciplinary Board
22. Proceedings of Disciplinary Board
23. Adjournment of hearing
24. Absence of parties before Disciplinary Board
25. Record of proceedings before Disciplinary Board
26. Decision of majority to be deemed as decision of Disciplinary Board
27. Report of Disciplinary Board

PART V
SUSPENSION OF PRACTICE OF *PEGUAM SYARIE* UNDER SECTION 83 OF ACT

28. Suspension of practice of *Pegulam Syarie* under section 83 of Act

PART VI
